

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Tetapi hasilnya kita dapati tidak dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja tempatan dan menyebabkan gaji mereka tidak meningkat. Sebaliknya kenaikan gaji dalam sektor-sektor tertentu dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja asing. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berterusan dengan menyebabkan kerugian besar kepada rakyat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan dengan mengutamakan rakyat tempatan dalam mengisi peluang pekerjaan. Pengambilan pekerja asing adalah langkah terakhir yang diambil apabila terdapat kekurangan penawaran untuk bekerja daripada pekerja tempatan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh luar negara adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing;
- (ii) mempromosi peluang pekerjaan dan memudahcara penempatan pencari kerja tempatan melalui program penempatan pekerjaan yang dilaksanakan menerusi aktiviti temuduga terbuka semasa karnival pekerjaan Jabatan/Agensi di bawah KSM seperti JTK, PSMB, PERKESO dan TalentCorp;
- (iii) melaksanakan program *place and train* iaitu melatih pekerja tempatan bagi tujuan menggantikan pekerja asing yang mahir; dan
- (iv) meningkatkan aktiviti pemeriksaan berkanun terhadap majikan dan menambah baik sistem pengurusan pekerja asing sedia ada bagi tujuan pemantauan penggajian pekerja asing di semua sektor melibatkan semua agensi Kerajaan yang berkaitan agar pemantauan yang lebih berkesan dapat dijalankan.

2. Pertumbuhan ekonomi yang mampan mampu menjana peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu industri meningkatkan peratusan upah yang lebih mampan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Antara pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah:-

SOALAN NO : 53

- (i) menggalakkan industri menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti berasaskan elemen automasi berteknologi tinggi. Ini dapat meningkatkan produktiviti pekerja dengan merangsang rangkaian pengeluaran seterusnya industri akan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa; dan
- (ii) bersifat selektif dengan menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment, FDI*) atau pelaburan langsung domestik (*Domestic Direct Investment, DDI*). FDI dan DDI dapat mencipta peluang pekerjaan *high value job* dan *knowledge worker* dengan mengurangkan pelaburan yang berintensif buruh dan bergaji rendah. Peluang pekerjaan *high value job* akan membolehkan rakyat memperoleh kadar gaji yang lebih tinggi.

3. Usaha Kerajaan melaksanakan gaji minimum mulai tahun 2012 sehingga sekarang, untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) telah memberi manfaat kepada rakyat dengan memberi jaminan pendapatan kepada pekerja kategori paling bawah. Malah, majikan dan pekerja boleh berunding bagi menetapkan gaji pokok yang lebih tinggi daripada kadar gaji minimum setimpal dengan kelayakan dan kemahiran. Dasar gaji minimum telah menarik minat lebih ramai pekerja tempatan ke dalam pasaran buruh dan tidak hanya dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu sahaja.

4. Kerajaan sentiasa menjalankan kajian sebelum memperkenalkan kadar gaji minimum yang baharu. Sebarang kenaikan kadar gaji minimum wajar dilaksanakan secara berperingkat agar majikan tidak terbeban dengan kos operasi yang meningkat secara mendadak lalu menjejaskan peluang pekerjaan.

5. Sejak pelaksanaannya, dasar gaji minimum telah banyak memberi faedah kepada rakyat seperti:-

- (i) meningkatkan pendapatan purata bulanan isi rumah yang seterusnya membantu rakyat dalam menampung kos keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian;

- (ii) mengurangkan jurang gaji antara rakyat seterusnya menyumbang ke arah penambahbaikan standard kualiti hidup rakyat Malaysia secara keseluruhannya;
- (iii) meningkatkan pendapatan pekerja melalui kadar bayaran kerja lebih masa (*overtime*) yang lebih tinggi;
- (iv) perlindungan sosial yang lebih terjamin dengan peningkatan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan
- (v) meningkatkan kuasa membeli (*purchasing power*) rakyat yang akan memangkin pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997 antara lain menggariskan bahawa dasar gaji minimum hendaklah tidak mendiskriminasi seseorang pekerja atas alasan kewarganegaraan. Selain itu, Malaysia juga telah meratifikasi Konvensyen ILO iaitu *Convention No. 131: Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (C131)* pada 7 Jun 2016 yang menetapkan Malaysia bertanggungjawab memastikan tidak wujud sebarang bentuk diskriminasi berhubung pelaksanaan dasar gaji minimum di negara ini.

Sekian, terima kasih.